

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 31/07/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional (11)

Tajuk : Jihad Perangi Orang Tengah

SINAR AHAD | 31 JULAI 2022

16
Sinar

NASIONAL

11

Jihad perangi orang tengah

SKM pasarkan lima barang murah di bawah jenama COOP

Oleh FARAH SHAZWANI
ALI
SERDANG

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan mula memasarkan lima barang keperluan asas di bawah jenama COOP bermula September ini, sebagai salah satu jihad dalam memerangi penglibatan orang tengah dan inflasi.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop), Tan Sri Noh Omar berkata, buat permulaan ia melibatkan gula, minyak masak, tepung, beras dan ayam beku yang dijangka lebih murah antara 10 hingga 25 peratus berbanding harga pasaran setempat.

Menurutnya, kesemua barang keperluan asas itu akan diimport dari negara seperti Thailand, Indonesia, Pakistan, India dan Brazil.

"Di peringkat permulaan kita akan memasarkan barang ini di lebih 3,000 kedai ko-



Noh (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Abdul Fattah (tiga dari kiri) dan Presiden Livestock National Agricultural Cooperative Federation, An Byoung Woo pada Hari Koperasi Negara 2022.

perasi di bawah Angkasa. Jika mendapat sambutan, jualan luar kedai koperasi akan dimulakan tetapi dengan tanda perniagaan COOP.

"Harga barang ini akan dikawal oleh SKM. Jika didapati ada yang menjual barang menggunakan tanda perniagaan COOP tetapi tidak mengikut arahan SKM, kita berhak batalkan mereka sebagai pengedaran.

"Selain pasaran secara fizikal, semua produk jenama COOP juga akan dijual dalam

talian mulai September," kata-nya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Utama Sesia Walkabout Hari Koperasi Negara (HKN22) di Mines International Exhibition and Convention Centre (MIECC) di sini pada Sabtu.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kuskop, Datuk Muslimin Yahaya; Ketua Setiausaha Kuskop, Datuk Suriani Ahmad dan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad

(Angkasa), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO).

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, Ekspos Koperasi Malaysia (EksKOM) menyasarkan sebanyak 30,000 pengunjung yang akan membolehkan nilai transaksi jualan keseluruhan sebanyak RM1.2 juta iaitu RM500 juta melalui jualan makanan di Festival Makanan Asia manakala sebahagian melalui jualan produk dan perkhidmatan koperasi.

Jelasnya, Angkasa juga optimis untuk mencapai nilai perdagangan hadapan sekurang-kurangnya sebanyak RM200 juta melalui jalinan kerjasama strategik antara koperasi, rakan strategik syarikat termasuk swasta.

"Melalui penganjuran EksKOM, Angkasa berharap perolehan gerakan koperasi dapat ditingkatkan melalui jalinan kerjasama strategik ini.

"Sebanyak 359 reraui parheran koperasi disediakan mengikut lapan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi seperti sektor pemborongan dan peruncitan, kewangan, inovasi dan teknologi, pertanian dan industri asas tani, perladangan, harta tanah dan industri binaan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan serta pembangunan komuniti."

"Platform EksKOM akan memudahkan koperasi dalam urusan padanan perniagaan serta jaringan dagangan bagi memperluaskan ekosistemnya terutama dalam memperkasa rantaian bekalan dan pemasaran," jelasnya.

Sebanyak tujuh negara turut terlibat dalam ekspos ini termasuk dari Thailand, Indonesia, Filipina, Kembuja, Korea Selatan, Singapura dan Hungaria.